



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 869

AKTA PERKHIDMATAN PARLIMEN 2025

Tarikh Perkenan Diraja	9 Julai 2025
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	18 Julai 2025

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 869

AKTA PERKHIDMATAN PARLIMEN 2025

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II

PERKHIDMATAN PARLIMEN DAN MAJLIS PERKHIDMATAN PARLIMEN

2. Perkhidmatan Parlimen
3. Majlis Perkhidmatan Parlimen
4. Fungsi dan kuasa Majlis Perkhidmatan Parlimen
5. Mesyuarat

BAHAGIAN III

SETIAUSAHA DEWAN NEGARA DAN SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT

6. Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat

BAHAGIAN IV

JAWATANKUASA

7. Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen
8. Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen
9. Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen
10. Majlis Perkhidmatan Parlimen boleh menubuhkan jawatankuasa

BAHAGIAN V

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Seksyen

11. Ketua Pentadbir Parlimen
12. Dana
13. Saraan

BAHAGIAN VI

AM

14. Obligasi kerahsiaan
15. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang
16. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
17. Pekhidmat awam
18. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
19. Kecualian

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 869

AKTA PERKHIDMATAN PARLIMEN 2025

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perkhidmatan Parlimen dan Majlis Perkhidmatan Parlimen, pentadbiran Perkhidmatan Parlimen dan perkara lain yang berkaitan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkhidmatan Parlimen 2025.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

BAHAGIAN II

PERKHIDMATAN PARLIMEN DAN MAJLIS PERKHIDMATAN PARLIMEN

Perkhidmatan Parlimen

2. (1) Suatu perkhidmatan dengan nama “Perkhidmatan Parlimen” ditubuhkan dan hendaklah menjadi suatu perkhidmatan berasingan daripada perkhidmatan awam di bawah Akta ini.

(2) Perkhidmatan Parlimen hendaklah terdiri daripada Setiausaha Dewan Negara, Setiausaha Dewan Rakyat dan anggota Perkhidmatan Parlimen.

(3) Seseorang anggota Perkhidmatan Parlimen yang dilantik oleh Majlis Perkhidmatan Parlimen hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat pelantikan sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Perkhidmatan Parlimen.

(4) Seseorang anggota Perkhidmatan Parlimen hilang kelayakan untuk menjadi ahli mana-mana satu Majlis Parlimen atau Dewan Undangan mana-mana Negeri.

Majlis Perkhidmatan Parlimen

3. (1) Hendaklah ada suatu Majlis Perkhidmatan Parlimen yang hendaklah bertanggungjawab bagi perkara yang berhubungan dengan Perkhidmatan Parlimen.

(2) Majlis Perkhidmatan Parlimen hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Yang di-Pertua Dewan Negara sebagai Pengerusi;
- (b) Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai Pengerusi Bersama;
- (c) Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara;
- (d) dua orang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat;
- (e) dua orang ahli Dewan Negara yang dinamakan oleh Jawatankuasa Pemilih Dewan Negara dan diluluskan melalui suatu ketetapan Dewan Negara;
- (f) empat orang ahli Dewan Rakyat yang dua orang ialah ahli Kerajaan dan dua orang ialah ahli kumpulan pihak Pembangkang, yang dinamakan oleh Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat dan diluluskan melalui suatu ketetapan Dewan Rakyat;
- (g) Setiausaha Dewan Negara;
- (h) Setiausaha Dewan Rakyat;

- (i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau wakilnya sebagai anggota *ex-officio*;
- (j) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya sebagai anggota *ex-officio*; dan
- (k) Ketua Pentadbir Parlimen sebagai anggota *ex-officio*.

Fungsi dan kuasa Majlis Perkhidmatan Parlimen

4. (1) Fungsi Majlis Perkhidmatan Parlimen adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk melantik dan untuk menentukan terma dan syarat pelantikan anggota Perkhidmatan Parlimen;
- (b) untuk mengawasi semua perkara kewangan yang berhubungan dengan Perkhidmatan Parlimen;
- (c) untuk membangunkan dan untuk melaksanakan program dan latihan yang berhubungan dengan Perkhidmatan Parlimen; dan
- (d) untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau semunasabahnya perlu bagi pengurusan hal ehwal Perkhidmatan Parlimen.

(2) Majlis Perkhidmatan Parlimen hendaklah mempunyai segala kuasa sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

Mesyuarat

5. (1) Majlis Perkhidmatan Parlimen hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu bagi melaksanakan fungsinya.

(2) Mesyuarat Majlis Perkhidmatan Parlimen hendaklah dipengerusikan secara bersama oleh Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

(3) Kuorum Majlis Perkhidmatan Parlimen ialah tujuh orang.

(4) Tiap-tiap anggota Majlis Perkhidmatan Parlimen, selain anggota *ex-officio*, yang hadir dalam mesyuarat berhak kepada satu undi.

(5) Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat Majlis Perkhidmatan Parlimen hendaklah diputuskan melalui undi majoriti anggota yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(6) Majlis Perkhidmatan Parlimen boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(7) Majlis Perkhidmatan Parlimen hendaklah menyebabkan minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(8) Jika mana-mana anggota Majlis Perkhidmatan Parlimen mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung dalam apa-apa perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Majlis Perkhidmatan Parlimen, anggota Majlis Perkhidmatan Parlimen itu hendaklah menzahirkan kepada Majlis Perkhidmatan Parlimen fakta kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(9) Suatu penzahiran di bawah subseksyen (8) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang penzahiran itu dibuat dan, selepas penzahiran itu, anggota Majlis Perkhidmatan Parlimen itu tidak boleh hadir dan mengambil bahagian dalam pertimbangan atau keputusan Majlis Perkhidmatan Parlimen.

(10) Majlis Perkhidmatan Parlimen boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat Majlis Perkhidmatan Parlimen bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu atau hadir semasa sesuatu keputusan dibuat.

(11) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis Perkhidmatan Parlimen boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Perkhidmatan Parlimen.

BAHAGIAN III

SETIAUSAHA DEWAN NEGARA DAN
SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat

6. (1) Setiausaha Dewan Negara hendaklah berada di bawah arahan dan kawalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

(2) Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah berada di bawah arahan dan kawalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh, selepas berunding dengan Majlis Perkhidmatan Parlimen, menetapkan kelayakan bagi pelantikan dan syarat perkhidmatan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat.

BAHAGIAN IV

JAWATANKUASA

Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen

7. (1) Hendaklah ada suatu Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen yang hendaklah bertanggungjawab bagi kenaikan pangkat anggota Perkhidmatan Parlimen.

(2) Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara sebagai Pengerusi;

(b) Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai Pengerusi Bersama;

(c) Setiausaha Dewan Negara;

(d) Setiausaha Dewan Rakyat; dan

(e) Ketua Pentadbir Parlimen.

(3) Jika mana-mana anggota Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung dalam apa-apa perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen, anggota Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen itu hendaklah menzahirkan kepada Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen fakta kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(4) Suatu penzahiran di bawah subseksyen (3) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang penzahiran itu dibuat dan, selepas penzahiran itu, anggota Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen itu tidak boleh hadir dan mengambil bahagian dalam pertimbangan atau keputusan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen.

(5) Mesyuarat Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen hendaklah dipengerusikan secara bersama oleh Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

(6) Tiap-tiap anggota Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen yang hadir dalam mesyuarat berhak kepada satu undi.

(7) Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen hendaklah diputuskan melalui undi majoriti anggota yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(8) Yang di-Pertuan Agong boleh, selepas berunding dengan Majlis Perkhidmatan Parlimen, menetapkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan pemangkuan dan kenaikan pangkat anggota Perkhidmatan Parlimen.

Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen

8. (1) Hendaklah ada suatu Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen untuk menjalankan kawalan tatatertib terhadap anggota Perkhidmatan Parlimen.

(2) Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai Pengerusi Bersama;
- (c) Setiausaha Dewan Negara;
- (d) Setiausaha Dewan Rakyat; dan
- (e) Penasihat Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen.

(3) Jika mana-mana anggota Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung dalam apa-apa perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen, anggota Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen itu hendaklah menzahirkan kepada Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen fakta kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(4) Suatu penzahiran di bawah subseksyen (3) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang penzahiran itu dibuat dan, selepas penzahiran itu, anggota Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen itu tidak boleh hadir dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian atau keputusan Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen.

(5) Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen hendaklah dipengerusikan secara bersama oleh Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

(6) Tiap-tiap anggota Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen yang hadir dalam mesyuarat berhak kepada satu undi.

(7) Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen hendaklah diputuskan melalui undi majoriti anggota yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(8) Yang di-Pertuan Agong boleh, selepas berunding dengan Majlis Perkhidmatan Parlimen, menetapkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan kawalan tatatertib anggota Perkhidmatan Parlimen.

(9) Kawalan tatatertib yang disebut dalam subseksyen (8) hendaklah termasuk penahanan kerja, penggantungan kerja, hukuman dan pembuangan kerja anggota Perkhidmatan Parlimen.

Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen

9. (1) Hendaklah ada suatu Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen untuk menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang anggota Perkhidmatan Parlimen terhadap keputusan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen dan Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen.

(2) Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Yang di-Pertua Dewan Negara sebagai Pengerusi;
- (b) Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai Pengerusi Bersama; dan
- (c) tiga orang anggota Majlis Perkhidmatan Parlimen yang dilantik oleh Pengerusi dan Pengerusi Bersama Majlis Perkhidmatan Parlimen.

(3) Jika mana-mana anggota Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung dalam apa-apa perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen, anggota Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen itu hendaklah menahirkan kepada Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen fakta kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(4) Suatu penzahiran di bawah subseksyen (3) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang penzahiran itu dibuat dan, selepas penzahiran itu, anggota Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen itu tidak boleh hadir dan mengambil bahagian dalam pertimbangan atau keputusan Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen.

(5) Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen hendaklah dipengerusikan secara bersama oleh Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

(6) Tiap-tiap anggota Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen yang hadir dalam mesyuarat berhak kepada satu undi.

(7) Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen hendaklah diputuskan melalui undi majoriti anggota yang hadir dan mengundi, dan jika bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

Majlis Perkhidmatan Parlimen boleh menubuhkan jawatankuasa

10. (1) Majlis Perkhidmatan Parlimen boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang Majlis Perkhidmatan Parlimen fikirkan perlu atau suai manfaat untuk membantu Majlis Perkhidmatan Parlimen dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Majlis Perkhidmatan Parlimen boleh melantik mana-mana anggota Perkhidmatan Parlimen untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Majlis Perkhidmatan Parlimen boleh melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(4) Jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan oleh Majlis Perkhidmatan Parlimen.

(5) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu pada masa dan tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.

(6) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat jawatankuasa untuk menasihati jawatankuasa mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

(7) Jawatankuasa boleh menentukan tatacaranya sendiri.

BAHAGIAN V

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Ketua Pentadbir Parlimen

11. (1) Hendaklah ada seorang Ketua Pentadbir Parlimen dalam kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan.

(2) Ketua Pentadbir Parlimen hendaklah bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal harian Parlimen termasuk perkara kewangan Perkhidmatan Parlimen.

(3) Ketua Pentadbir Parlimen hendaklah mempunyai kawalan am terhadap anggota Perkhidmatan Parlimen.

(4) Ketua Pentadbir Parlimen hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis Perkhidmatan Parlimen.

(5) Dalam menunaikan kewajipannya, Ketua Pentadbir Parlimen hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Majlis Perkhidmatan Parlimen.

(6) Ketua Pentadbir Parlimen hendaklah menjadi setiausaha kepada Majlis Perkhidmatan Parlimen.

Dana

12. Kerajaan hendaklah mengadakan dana yang mencukupi bagi Perkhidmatan Parlimen setiap tahun untuk membolehkan Majlis Perkhidmatan Parlimen melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

Saraan

13. Seseorang anggota Perkhidmatan Parlimen hendaklah dibayar apa-apa saraan dan faedah lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Majlis Perkhidmatan Parlimen dan diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong.

BAHAGIAN VI

AM

Obligasi kerahsiaan

14. (1) Kecuali bagi apa-apa maksud Akta ini atau bagi maksud mana-mana prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Majlis Perkhidmatan Parlimen—

(a) tiada anggota Majlis Perkhidmatan Parlimen atau anggota Perkhidmatan Parlimen, sama ada semasa atau selepas tempoh jawatan atau penggajiannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang diperoleh olehnya semasa menjalankan kewajipannya; dan

(b) tiada orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis Perkhidmatan Parlimen atau seseorang yang dengan apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Perkhidmatan Parlimen boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

15. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap mana-mana anggota Majlis Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen, jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Akta ini, atau mana-mana anggota Perkhidmatan Parlimen, berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati, atas sifat yang sedemikian.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

16. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap mana-mana anggota Majlis Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen, jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Akta ini, atau mana-mana anggota Perkhidmatan Parlimen, berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau benda yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian.

Pekhidmat awam

17. Tiap-tiap anggota Majlis Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen, jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Akta ini, atau tiap-tiap anggota Perkhidmatan Parlimen, semasa menunaikan kewajibannya sebagai anggota Majlis Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Tatatertib Perkhidmatan Parlimen, Jawatankuasa Rayuan Perkhidmatan Parlimen, jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Akta ini, atau anggota Perkhidmatan Parlimen itu, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

18. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, selepas berunding dengan Majlis Perkhidmatan Parlimen, membuat apa-apa peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi memberikan kuat kuasa sepenuhnya atau bagi melaksanakan dengan lebih baik peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk menetapkan kelayakan bagi pelantikan dan syarat perkhidmatan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat;

- (b) untuk menetapkan terma dan syarat pelantikan anggota Perkhidmatan Parlimen;
- (c) untuk menetapkan tata tertib anggota Perkhidmatan Parlimen dan bagi prosiding tata tertib terhadap anggota Perkhidmatan Parlimen itu, termasuk penahanan kerja, penggantungan kerja, hukuman dan pembuangan kerja anggota Perkhidmatan Parlimen itu;
- (d) untuk menetapkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan pentadbiran Perkhidmatan Parlimen;
- (e) untuk menetapkan apa-apa perkara yang dikehendaki untuk ditetapkan bagi maksud Akta ini.

Kecualian

19. Tiap-tiap anggota perkhidmatan awam yang telah dilantik secara tetap dan dimasukkan ke dalam perjawatan tetap sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini dan telah memilih untuk menjadi anggota Perkhidmatan Parlimen hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini—

- (a) diambil kerja atas terma dan syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini; dan
- (b) disifatkan sebagai anggota perkhidmatan awam bagi maksud Akta Pencen 1980 [*Akta 227*].